

Empat aspek tingkat sistem pendidikan

KUALA LUMPUR 17 Ogos – Raja Muda Perak, Raja Dr. Nazrin Shah menggariskan empat aspek utama sistem pendidikan yang memerlukan perhatian khusus demi memenuhi keperluan ekonomi berasaskan pengetahuan dan inovasi.

Titah baginda, keempat-empat aspek berkenaan ialah kurikulum, sistem penilaian, strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran serta bahasa Inggeris.

"Kurikulum kita terlalu padat dengan guru-guru dan pensyarah universiti memberikan begitu banyak maklumat kepada pelajar yang menerima secara pasif.

"Mungkin sudah tiba masanya untuk mengurangkan kandungan bahan yang disebarkan dan meluaskan lebih waktu bagi meningkatkan kemahiran dan kecakapan yang diperlukan dalam abad ke-21,"

titah baginda.

Raja Nazrin yang juga Pro-Cancellor Universiti Malaya (UM) bertitah semasa merasmikan Persidangan Antarabangsa Pendidikan Untuk Semua di Hotel Legend di sini hari ini.

Mengenai sistem penilaian, baginda menjelaskan, sistem pendidikan sekarang terlalu berorientasikan peperiksaan dengan pelajar perlu menduduki empat peperiksaan umum sebelum ke universiti.

"Kita mungkin boleh mengurangkan peperiksaan di peringkat kebangsaan sekali gus mengurangkan beban dan keseimbangan guru, pentadbir sekolah dan ibu bapa. Kita juga cenderung menyanjung mere-



RAJA NAZRIN SHAH

ka yang mendapat keputusan cemerlang dan mengigitkan mereka yang tidak cemerlang.

"Sistem berorientasikan peperiksaan juga menyebabkan sekolah-sekolah memberikan fokus kepada mereka yang mendapat keputusan cemerlang. Lebih malang, mereka yang tidak cemerlang berlatarbelakang sosio-ekonomi yang rendah," titah baginda.

Tambah Raja Nazrin, kaedah penilaian alternatif yang lebih mencerminkan kemampuan pelajar perlu dilaksanakan.

"Biarpun mendapat markah A adalah penting, pelajar juga perlu me-

nguasai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan bagi membolehkan mereka bekerja secara efektif dan efisien," titah baginda.

Baginda bertitah, kaedah pengajaran dan pembelajaran perlu kepada pelajar melakukan projek, menganalisis kajian kes, menyelesaikan masalah, membuat keputusan dalam pelbagai situasi, mempertahankan pengetahuan yang dikaji serta mempunyai pengetahuan itu sendiri.

"Seringkali guru mengeluh untuk menggunakan strategi pengajaran sedemikian namun kandungan pelajaran menyebabkan mereka terpaksa memilih kaedah syarahan yang membolehkan lebih banyak kandungan pelajaran disebarkan kepada pelajar," jelas Raja Nazrin.

Aspek yang keempat, tambah baginda, ialah bahasa Inggeris yang begitu penting dalam alam pekerjaan di

abad ke-21.

"Di tempat-tempat kerja di seluruh dunia, mereka yang mahir bahasa Inggeris akan menikmati banyak kelebihan dan kebanyakan majikan menjadikan bahasa Inggeris sebagai syarat pengambilan pekerja.

"Menyentuh mengenai guru, satu kajian bertajuk *Bagaimana Sekolah Terbaik Di Dunia Mendiduliti Tempat Teratas* oleh McKinsey and Co. pada 2007 mendapati guru merupakan pementu pada kualiti sesebuah sistem pendidikan," jelas baginda.

Tambah Raja Nazrin, di Finland semua guru baru mesti mempunyai ijazah sarjana, Korea Selatan pula mengambil guru sekolah rendah dari kalangan lima peratus graduan terbaik sementara Singapura dan Hong Kong pula memilih guru dari kalangan 30 peratus pelajar terbaik.